

**Pencalonan Untuk Anugerah Tun Dr Siti Hasmah WIM Masih Dibuka  
Bernama  
13 September , 2011**

KUALA LUMPUR, 13 Sept (Bernama) -- Institut Pengurusan Wanita (WIM) sedang mencari wanita yang telah mengharungi pelbagai halangan dan susah payah dalam menempa kejayaan untuk diberikan Anugerah Wanita Tahunan Tun Dr Siti Hasmah WIM 2011.

Pengerusi penganjur anugerah itu Puan Sri Siew Yong Gnanalingam berkata calon perlu terdiri daripada "seorang yang dijadikan contoh, memberi inspirasi kepada wanita lain, mempunyai keazaman tinggi, serba boleh, penyayang, efisien dan berupaya membimbing masyarakat."

Para finalis akan dipanggil untuk ditemuramah oleh panel lima hakim yang akan memilih pemenang berdasarkan kriteria iaitu cabaran awal (40 peratus), sumbangan kepada masyarakat (20 peratus), kecemerlangan kerjaya dan pencapaian kelayakan pendidikan (40 peratus), katanya pada sidang akhbar di sini Selasa.

Beliau berkata setakat ini hanya tiga pencalonan diterima tetapi penganjur turut menerima beberapa pertanyaan dan banyak borang pencalonan telah diambil dan beliau berharap lebih banyak pencalonan diterima dalam dua minggu akan datang.

Borang pencalonan boleh didapati di Sekretariat WIM di Wisma WIM, 7, Jalan Abang Haji Openg, Taman Tun Dr Ismail di sini atau dimuat turun daripada laman web [www.wimnet.org.my](http://www.wimnet.org.my), atau daripada penaja utama, Etiqa Takaful and Insurance, Rafflesia The Pearl Centre, Tiffany and Co dan Bonita dan penaja bersama iaitu Melvin Lam Couture, Jakel, Tiamo, Enuca dan Elianto.

Tarikh tutup pencalonan 30 Sept dan pemenang akan menerima anugerah itu pada majlis yang bakal diadakan pada 21 Nov di sebuah hotel di ibu negara daripada Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali.

"Pemenang akan menerima hadiah wang tunai RM10,000 dan juga RM20,000 yang perlu disumbangkan semula kepada WIM untuk membiayai projek WIM untuk wanita memerlukan yang akan diberi nama sempena nama pemenang," katanya.

Beliau berkata pemenang anugerah sebelum ini iaitu Vimalah Nair, 59, dan Chow Gek binti Chow, 49, turut memberi sokongan kepada acara itu, katanya.

--BERNAMA

Hakcipta© 2011 BERNAMA

Source:<http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsgeneral.php?id=613147>